

UNSUR-UNSUR YANG MEMBENTUK
REKACORAK MELAYU DIDALAM
BIDANG SENI TEKSTIL

OLEH

HAMIDAH BTE SAHROM

85868628

DIPLOMA SENIREKA TEKSTIL
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
1988/89

ISI KANDUNGAN

	halaman
Senarai Rajah	ii
Senarai Gambar	ii
Sinopsis	iii
Penghargaan	v
BAB 1 : PENGENALAN	1
1 : 1 : Pengertian Melayu Secara Umum	7
1 : 2 : Definisi Motif Dan Rekacorak	13
1 : 3 : Pengertian Tekstil	20
BAB 2 :	
2 : 1 : Pengaruh Unsur Luar ke alam Melayu	23
2 : 2 : Unsur Hindu Dalam Rekacorak Melayu	26
2 : 3 : Unsur Islam Dalam Rekacorak Melayu	30
2 : 4 : Unsur China Dalam Rekacorak Melayu	36
2 : 5 : Unsur Eropah Dalam Rekacorak Melayu	40
2 : 6 : Gabungan Seluruh Unsur-unsur	42
BAB 3 : PERKEMBANGAN UNSUR-UNSUR	
DALAM ASPEK REKACORAK MELAYU	
3 : 1 : Batik	45

SINOPSIS :

Pengolahan terhadap tajuk ini adalah berkisar kepada unsur-unsur yang membentuk rekacorak Melayu didalam seni Tekstil. Penekanan terhadap unsur-unsur ini dibuat kerana saya ingin mengetahui sejauhmanakah unsur itu dapat membenamkan pengaruhnya dalam rekacorak Melayu. Lebih-lebih lagi bangsa Melayu telah mempunyai kebudayaan dan kesenian di awal penghijrahannya. Seterusnya akan dapat dilihat bagaimana unsur tersebut membentuk serta berpadu dalam melahirkan rekacorak bersama.

Secara umumnya, rekacorak Melayu itu dapat dilihat berdasarkan tinjauan awal terhadap unsur-unsur yang mempengaruhinya. Pen-definisian Melayu yang berbagai-bagai telah meletakkan Melayu sebagai bangsa yang dikenali.

Kaitannya dengan alam sekitar dan bagaimana manusia melihat alam sekeliling yang seterusnya memuatkannya sebagai motif dan rekacorak termuat di sini. Hubungkait ini dibuat terhadap motif dan rekacorak tersebut terhadap bidang seni tekstil terutamanya dalam batik dan tenunan songket.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t dengan limpah dan kurniaNya dapat lah saya menyiapkan hasil kerja ini sebagaimana yang telah ditetapkan. Selawat ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga dan para sahabatnya. Juga salam kesejahteraan buat semua umat Islam, semuga berada didalam lindungan Allah hendaknya.

Setinggi-tinggi rakaman terima kasih saya kepada Encik Ahmad Badaruddin Fadzil, Ketua Kursus, Jabatan Senireka Tekstil, Kajian Senilukis & Senireka, ITM, Shah Alam, selaku penasihat tesis saya, di atas segala bantuan, nasihat, teguran serta pandangan beliau bagi menjayakan penulisan ini.

Rakaman terima kasih saya tujukan jua kepada :

i) Semua Pensyarah.

Jabatan Senireka Tekstil,

KSSR, ITM.

PENGENALAN

Apabila menyebut perkataan 'rekacorak' sekaligus akan terbayanglah di mata kita mengenai corak-corak yang biasa terpapar di permukaan kain. Setengah orang hanya menjuruskannya kepada satu aspek yang cetek dan tidak memandangnya sebagai satu fenomena yang baik didalam barangan kesenian lain seperti corak-corak yang terdapat pada seramik, seni ukir mahupun senibina.

Walau apapun tafsiran orangramai terhadapnya, maka menerusi penulisan ini, inginlah saya mengajak pembaca mengutip pembicaraan mengenai rekacorak Melayu terhadap satu pendekatan iaitu bidang tekstil. Tumpuan ini dikhususkan pada bidang ini disebabkan ianya merangkumi seni batik, seni fiber, tenunan songket, seni tekat, anyaman dan seni cetakan. Walau bagaimanapun penekanan itu hanya dikhaskan kepada dua bidang iaitu seni batik dan tenunan songket.

Dalam mempersoalkan tentang rekacorak, tidak dapat tidak kita pasti akan mengaitkannya dengan bangsa itu sendiri serta ciri-ciri budaya yang terdapat padanya. Boleh dikatakan tiap-tiap